

MAHATHIR-INDIA

1984
PETALING JAYA, 21 JULAI (BERNAMA)---DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMADHARI INI MEMBIDAS PARTI PEMBANGKANG YANG +MENANGGUK DI AIR KERUH+ DENGAN MENGHASUT RAKYAT NEGARA INI KETURUNAN INDIA SUPAYA CAMPURTANGAN DALAM ISU PENGENAAN VISA OLEH KERAJAAN INDIA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA YANG INGIN MELAWAT KE NEGARA TERSEBUT.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA AHLI-AHLI PEMBANGKANG TERTENTU MEMAINKAN SENTIMEN RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA SUPAYA MEMBERI SOKONGAN KEPADA MEREKA DALAM MEMBANTAH PERATURAN PENGGUNAAN VISA ITU.

+SIKAP PEMBANGKANG INI MENIMBULKAN BANYAK TANDA TANYA. APAKAH IA MENGGANGAP ORANG-ORANG KETURUNAN INDIA DI MALAYSIA PERLU DIBERI LAYANAN ISTIMEWA OLEH NEGARA ASING,+ TANYA BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-32 MIC DI HOTEL SUBANG VIEW DISINI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PADA PRINSIPNYA TIDAK ADA SATU PIHAKPUN DI NEGARA INI, BAIK PEMBANGKANG SEKALIPUN YANG PATUT CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL NEGARA ASING.

+OLEH KERANA SIKAP TAMAKKAN PENGARUH, PRINSIP INIPUN MEREKA ABAIKAN,+ TAMBAHNYA.---LAGI

PERDANA MENTERI MENEGASKAN RAKYAT MALAYSIA TIDAK HARUS CAMPURTANGAN DALAM APA-APA TINDAKAN SEBUAH NEGARA YANG LAIN.

+INDIA ADALAH SEBUAH NEGARA ASING YANG MENJADI SAHABAT KITA SEJAK BEBERAPA LAMA. KITA MENGHORMATI NEGARA-NEGARA ASING YANG MENGHORMATI MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERDAULAT,+ TEGASNYA..

DR. MAHATHIR KESAL KERANA MIC TELAH DIKUTUK OLEH SEBAB TIDAK MAHU CAMPURTANGAN DALAM HAL VISA ITU OLEH AHLI-AHLI PEMBANGKANG TERTENTU.

BELIAU MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA MIC ATAS PENDIRIANNYA TIDAK MAHU CAMPURTANGAN, BAHKAN TIDAK MEMBERI KOMENTAR TENTANG PERKARA ITU.

BELIAU MEMINTA AGAR RAKYAT TIDAK MENGENDAHKAN TINDAK-TANDUK PEMBANGKANG ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI SUKA MELAUNG DI SANA SINI SEHINGGA KADANG-KADANG SUKA DIFAHAMI APA YANG DILAUNGKAN.

+ORANG SEPERTI INI SANGGUP MELAUNG SIANG DAN MALAM SEKIRANYA KELAKUAN SEBEGITU AKAN DAPAT MENARIK PERHATIAN KEPADANYA. JANGANLAH KITA TURUT MELATAH DENGAN KELAKUAN SEPERTI ITU.

+MEREKA MEMANG MENGHARAPKAN KITA MELATAH DAN ITULAH SAAT YANG MENGGEMBIRAKAN BAGI MEREKA YANG SUKA MELAUNG DI SANA SINI.---LAGI

MAHATHIR-INDIA 3 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA HARUS BERBANGGA KERANA KEMATANGAN POLITIK RAKYATNYA SEMAKIN MENINGKAT DAN PEMIKIRAN MATANG INI MEMANG DITAKUTI OLEH MEREKA YANG SUKA +MELAUNG DI SANA SINI+.

BELIAU TIDAK MENAFIKAN TERDAPATNYA GOLONGAN YANG AKAN TERPENGARUH DENGAN KATA-KATA MANIS DAN LAUNGAN-LAUNGAN KOSONG. PARTI-PARTI PEMBANGKANG TETAPI BILANGAN MEREKA SEMAKIN HARI SEMAKIN KECIL.

+KITA AKAN MENGHORMATI Pandangan yang rasional -- yang baik di puji dan bagi yang tidak baik pula dicadangkan penyelesaian yang wajar.

+KITA TIDAK MENGHORMATI MEREKA YANG TIDAK BERHENTI-HENTI MENKRITIK, TETAPI KEKERINGAN IDEA TENTANG BAGAIMANA HENDAK MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH ITU,+ TEGAS DR. MAHATHIR.---BERNAMA